



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
KERAJAAN TEMPATAN

## SIARAN MEDIA

### 'LANDSKAP BERKUALITI MALAYSIA MADANI' INSPIRASI SAMBUTAN HARI LANDSKAP NEGARA 2023 (HLN 2023)

**IPOH, 11 MAC 2023** – YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri telah menyempurnakan Sambutan Hari Landskap Negara 2023 (HLN2023) yang berlangsung di Taman D.R. Seenivasagam, Ipoh, Perak pada pagi ini. Majlis turut dihadiri oleh YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM), Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan; YB Tuan Sivakumar A/L Varatharaju Naidu, Menteri Sumber Manusia; YB Tuan Haji Akmal Nasrullah Bin Mohd Nasir, Timbalan Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan; YB Datuk Dr. Penguang anak Manggil, Timbalan Menteri Kerajaan Tempatan Sarawak; YB Sandra Ng Shy Ching, EXCO Perumahan dan Kerajaan Tempatan; YBhg. Datuk M Noor Azman Bin Taib, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan; Tuan Roslee Bin Abdullah, Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara; YBhg. Dato' Rumaizi Bin Baharin, Datuk Bandar Ipoh serta Pengurusan Tertinggi KPKT dan Ketua Jabatan peringkat negeri dan daerah.

Penganjuran HLN 2023 adalah bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan apresiasi terhadap landskap selain menyebarkan kepentingan landskap melalui program pembangunan landskap yang komprehensif. Ia juga merupakan usaha bagi mencapai wawasan Negara Taman Terindah seiring Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) dan Dasar Landskap Negara.

Bertemakan "Landskap Berkualiti Malaysia MADANI", pembudayaan landskap perbandaran yang berkualiti dalam kalangan masyarakat bagi membentuk sebuah komuniti Malaysia yang progresif dan sejahtera seiring dengan aspirasi Malaysia MADANI. Aspirasi ini mampu dicapai melalui peranan dan sumbangan besar landskap dalam aspek kemampanan sosial, kesihatan, kualiti hidup, kesejahteraan mental dan fizikal, estetika, ekonomi, serta persekitaran.

Dalam majlis tersebut, YAB Perdana Menteri juga telah menggariskan lima (5) strategi ke arah mewujudkan "Landskap Berkualiti Malaysia MADANI" iaitu;

- i) Memantap dan mendaya-majukan sistem rangkaian landskap yang berkualiti di Malaysia supaya dapat dimanfaatkan secara komprehensif;
- ii) Perlindungan kepada sumber landskap semulajadi dan aset-aset landskap bernilai tinggi;
- iii) Penjanaan nilai ekonomi industri landskap;
- iv) Memperkemas kualiti perkhidmatan landskap; dan
- v) Menjadikan landskap, taman dan ruang hijau sebagai wadah perpaduan.

YB Tuan Nga Kor Ming berkata, "Ciri-ciri landskap yang menarik dan mempunyai identiti dan keunikan budaya merupakan faktor utama dalam mewujudkan '*sense of pride*' dalam kemajuan sesebuah bangsa. Pembangunan yang merangkumi elemen sumber landskap semula jadi khususnya di kawasan bandar yang pesat menjadi medium yang ideal dalam pembangunan sesebuah negara. Persekitaran hijau di kawasan perbandaran juga berfungsi sebagai kawasan rekreasi dan integrasi sosial dalam melahirkan rakyat yang muhibbah, harmoni, bersatu padu dan sihat sejahtera.

Selari dengan hasrat memastikan keberhasilan landskap yang berkualiti, ia perlu disokong oleh industri landskap yang pelbagai dan berdaya saing selaras dengan aspirasi kerajaan untuk membantu usaha penyeragaman, pengawalan dan pengwujudan kualiti landskap yang setaraf antarabangsa. Penyediaan khidmat sokongan bagi pembangunan industri landskap ini akan memberi peluang kepada pengusaha dan penggiat industri landskap meningkatkan kemahiran dan pengeluaran yang bermutu.

Dalam majlis sama, Anugerah Rosa-Sinensis turut diberikan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), jabatan/agensi kerajaan dan pemaju yang telah menunjukkan komitmen berterusan untuk memastikan taman awam dan kawasan hijau yang dibangunkan memberi impak yang positif kepada komuniti, alam sekitar perbandaran dan biodiversiti bandar. Anugerah ini merupakan satu inisiatif penarafan kepada taman awam dan kawasan hijau yang dirancang, dibangunkan dan diurus secara komprehensif yang memenuhi fungsi pembangunannya. Pelaksanaan anugerah Rosa-Sinensis ini akan menggalakkan semua pihak yang berkepentingan iaitu PBT, pemaju, pertubuhan bukan kerajaan dan komuniti bekerjasama bagi mencapai matlamat penyediaan taman awam dan kawasan hijau yang berkualiti.

Sambutan Hari Landskap Negara 2023 ini turut dimeriahkan dengan penglibatan seramai 31 buah pameran berfokuskan landskap dan 14 Laman Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Perak. Selain itu, HLN 2023 turut menyediakan pelbagai gerai dan reruai daripada pengusaha nurseri, pembekal bahan landskap, kontraktor, Persatuan Nurseri, Persatuan Kontraktor, Persatuan Alatan Permainan, Persatuan Arkitek Landskap Malaysia, Persatuan Arborist, agensi kerajaan dan swasta serta golongan profesional dalam bidang landskap.

Bagi menyemarakkan lagi sambutan HLN 2023, para pengunjung boleh menyertai pelbagai aktiviti dan program kepada penggiat bidang landskap seperti Bengkel Buluh, *Green Urban Forum (GUF)*, *Art Latte Showcase / Art Latte Demo*, *Space & Spark Outdoor*, Program dan Pameran *Go Green*, Wayang Pacak, Pertandingan Gubahan Bunga, Pertandingan Mewarna, DJ Corner, Persembahan Busker, Senamrobik, *Fun Walk*, Sukan Rakyat, *Soccerkids*, dan lain-lain.

Pelaksanaan strategi dan usaha oleh Jabatan Landskap Negara (JLN) dan KPKT dalam memupuk kesedaran dan penghargaan terhadap landskap dan alam sekitar ini perlu mendapat sokongan padu yang berterusan daripada masyarakat dan pihak berkepentingan.

---

*Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).*

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)*

